



Wan Jamal memeriksa pelbagai jenis kenderaan yang dirampas pada sidang media di Pejabat Penguatkuasaan JKDM Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Kenderaan yang di rampas JKDM Kota Bharu yang dibawa masuk dari Singapura.


TAMAN TASIK INDAH (FASA 7C), KLUANG

No. Fail Projek : PKPJ.606/03/512

SUDAH SIAP DIBINA DENGAN CCC DIPEROLEHI

Pembeli bumiputera perlu rujuk ke laman web PKPJ untuk permohonan: pkpj.johor.gov.my

Jenis Kedai	Keluasan Tanah	Keluasan Bangunan	Harga Jualan Unit Lot Bumi (RM)	Baki Unit Lot Bumi
Kedai Pejabat Dua Tingkat Jenis B (22 x 75)	1,650 k.p. (min & maks)	3,269 k.p. (min & maks)	550,800.00 (min & maks)	3



Koordinat Lokasi:
N: 02° 17' 17.75\"/>



Kedai Pejabat Dua Tingkat Jenis B

Untuk pertanyaan, sila hubungi kami:

Kemajuan Tong Tor Sdn. Bhd (305514-P)
No. 3, Jalan Indah 1/2, Taman Kluang Indah, 86000 Kluang, Johor.

Tel: 07-773 8222 Faks: 07-776 6245
Email: sales@tongtor.com.my

Hakmilik: Kekal. Bebanan: Tiada. Tarikh Siap Bina: 16/07/2024 (Tarikh CCC) Phak Berkasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kluang.
No Ruj: MPK/599/300/6/13/2019

Kenderaan mewah lebih RM6.2j dirampas dalam tempoh 10 bulan

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas 47 kenderaan mewah pelbagai jenis dan jenama yang dibawa masuk dari Singapura tanpa cukai dan dokumen sah bernilai lebih RM6.2 juta termasuk cukai sejak Januari hingga 16 Oktober lalu.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata rampasan di Kelantan, Johor dan Kuala Lumpur itu memabihkan kenderaan diletakkan di tempat letak kereta awam serta kondominium sebelum dipercayai akan diedarkan kepada pelanggan.

Beliau berkata rampasan dibuat berdasarkan maklumat awam yang disalurkan kepada pihaknya.

Katanya, sindiket menjual kenderaan mewah menggunakan pelbagai kaedah termasuk mencari pelanggan melalui media sosial.

"Antara kenderaan dirampas, Volkswagen Beetle, Volvo S80, BMW 325i, Maserati Ghibli, Honda Jazz, Toyota Vellfire dan Mercedes Benz yang bernilai antara RM50,000 hingga RM185,000.

"Sindiket penyeludupan kereta ini juga menawarkan jualan kenderaan pada harga potongan antara 35 hingga 40 peratus lebih murah berbanding harga pasaran bagi menarik minat pembeli tempatan," katanya kepada pem-

berita pada sidang media di Pejabat Penguatkuasaan JKDM Kota Bharu, di sini semalam.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat permintaan tinggi di pasaran Malaysia yang mendorong individu tertentu membawa masuk kenderaan berkenaan bagi memenuhi kehendak pengguna.

"Modus operandi digunakan sindiket adalah dengan membawa masuk kenderaan mewah ke Malaysia dipercayai bermula dengan memperoleh kenderaan yang sudah dihapuskan di pasaran negara jiran.

"Kemungkinan besar, kenderaan ini dibawa masuk melalui pintu masuk yang sah sebelum diletakkan di sekitar Johor Bharu dan kemudian diedarkan di pasaran Malaysia untuk tujuan jualan atau kegunaan tertentu," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang dari 10 kali ganda nilai barang atau RM50,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua kali ganda nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama," katanya.